

Di-bawah ini ia-lah ucapan Tunku Abdul Rahman, Ketua Mentri Persekutuan Tanah Melayu, dalam majlis menyambut Rombongan Merdeka kembali dari London di-Melaka hari ini (February 20, 1956):-

Assalamualaikum Wabarakatuh:

Tuan Pengerusi, Tuan2 sakalian, saudara2 dan saudari2;

Saya berasa sangat-lah besar hati yang tuan2 telah pun datang dari berapa jauh kerana hendak menyambut kembali ka-tanah ayer kita ini Rombongan Merdeka yang telah baharu balek dari London. Maka kejayaan kami sakalian ia-lah pertama-nya dengan do'a saudara2 kita sakalian Allah Subahanahu Wata'ala telah di-izinkan maka dengan di-izinkan Allah dapat-lah kita ini bagi pertama kali dalam sejarah Tanah Melayu ini telah pun menurunkan tanda tangan menetapkan tarikh yang Malaya akan di-ishtiarkan hari kemerdekaan. Saya suka hendak sebutkan di-sini kerana di-Melaka-lah mula-nya tempat yang hantarkan saya ka-England mula pertama untok berunding di-atas perkara Pilehan Raya. Jika di-adakan perhimpunan di-Melaka pada waktu itu di-ohurahkan wang ringgit apa segala2-nya yang ada di-dalam badan saudara2 kita untok memungutkan derma membayarkan belanja saya pergi ka-London pada waktu itu maka itu-lah waktu yang sangat susah kerana waktu itu kita pergi ka-London menuntut supaya di-adakan Pilehan Raya menurut syarat Democracy ia-itu ahli yang di-pilih oleh ra'ayat mahu-lah melebihi daripada yang di-lantek oleh Pesuruh Jaya Tinggi. Maka apabila kembali kita di-sini kita tidak di-sana England ta'dapat jaya masa itu dan saya pada masa itu bukan-lah menaruh kechil hati atau kechut hati bahkan kembang hati saya dan menaruh satu niat yang besar bahawa apa akan jadi kami akan langkah ka-hadapan sampai merdeka akan terchapai.

Apabila saya balek waktu itu tidak berjaya maka kita telah menarek diri daripada bekerjasama dengan Kerajaan maka ketika itu tuan2 ingat kita telah berjaya. Kita telah dapat sunggoh pun ta'penoh dengan syarat-nya tetapi kita telah dapat syarat dekat2 bagaimana kita tuntutan itu tiga par lima. Akhir-nya masa di-adakan pilehan Raya di-dalam National Federal Legislative Council itu dengan pertolongan saudara2 kita khas-nya orang2 Melayu daripada kaum bapa, kaum ibu, pemuda, tua dan muda sampai kanak2 membantukan kita sampai kita dapat kemenangan dalam Pilehan Raya dengan tidak ada banding lagi di-dalam mana dunia pun. Di-dalam perjalanan saya baharu2 ini ka-London saya telah bertemu dengan Governor-General Ceylon Sir Oliver Goonetilleke dan di-katakan kepada saya waktu itu ini-lah mula pertama-nya di-kata satu Ketua Mentri mulai jижak dalam bilek ini dengan pengikut yang begitu banyak dengan kemenangan kerusi dengan begitu banyak. Dia berasa sombong menyambut kedatangan saya dan Rombongan Merdeka ka-London itu.

Dan juga di-sebut di-dalam salasilah Dunia ini dalam perjuangan ra'ayat dalam Dunia ini belom lagi pernah mana2 National Party dapat sokongan yang penoh bagaimana kita dapat daripada Raja2.

Kesusahan lain2 negeri daripada perjuangan itu boleh berbangkit huru-hara kucha-kachih ia-lah dengan kerana berputus2 perhubungan di-antara Raja2 negeri itu dengan ra'ayat. Sa-balek-nya Malaya telah pun mendirikan satu sejarah yang belom biasa lagi di-saksikan di-mana Dunia dahulu itu ia-itu Raja2 dengan ra'ayat berpadu satu.

Dan juga tuan2 di-dalam perjuangan kita ini pun belom biasa di-lakukan juga di-mana2 tempat yang orang2 daripada bangsa Melayu, bangsa China, India lain2 semua bersatu padu berjerit dengan satu suara "MERDEKA" dan mengada fahaman yang baik macham kita ini. Jadi ini semua kita shukor kepada Allah Subahanahu Wata'ala yang dengan kekayaan-nya yang dengan kuasa-nya telah

.... /2 memberikan kepada kita

memberikan kepada kita segala na'imat yang saya sebutkan itu. Di-London rundingan kita di-London itu pun telah pun di-jalankan dengan baik tujuan yang saya pergi ka-England ia-lah membawa empat perkara yang besar ia-itu pertama-nya kita hendak memerentahkan ka-wangan sendiri. Nombor dua kita hendak memerentahkan ka-amanan dalam negeri ini sendiri. Nombor tiga kita hendak mengisikan segala Pejabat2 dalam negeri kita dengan orang2 kita ini di-gantikan tempat orang2 Barat yang telah dudok memerintah negeri ini lebeh kurang 80 tahun.

Dan akhir-nya kita telah pun bersetuju menubuhkan satu jawatan kuasa bebas untuk menyediakan dan menyusunkan perlembagaan bagi negeri Melaya yang merdeka. Dan akhir sekali yang sa-besar2-nya kita telah dapat persetujuan daripada Kerajaan British bahawa Malaya akan mengishtiharkan hari merdeka pada 31 haribulan August tahun 1957.

Maka di-England pun saya telah berchakap dengan orang2 Inggeris yang kebanyakan di-katakan belom lagi satu Rombongan datang daripada mana2 negeri yang telah dapat maksud segala2 maksud-nya bagaimana kita dapat itu. Ini saya kata pertama-nya shukor kepada Allah terima-kaseh kepada Allah pulangkan pujian2 kepada Allah. Dan juga di-sini saya suka hendak sebutkan di-atas pertolongan yang saya dapat daripada wakil Raja2 Melayu itu yang mula2-nya kita pergi ka-England sabagai dua pehak; satu Pehak Perikatan, satu Pehak Raja2. Tiba2 apabila kita naik atas kapal apabila kita telah berpakat dan berunding kita telah pun ada satu perasaan, perasaan kami ini anak Negeri Melayu hidup dan mati kami di-sini, dan jikalau negeri bangsa lain boleh dapat merdeka dan berdolat apa-kah sebab-nya negeri kita tidak dapat itu. Maka dengan ada perasaan yang sa-umpama ini maka wakil Duli Yang Maha Mulia Sultan dan wakil Perikatan telah bekerja dengan bersungguh2-nya. Jadi sakalian segala2 tanggungan saya segala2 jawapan saya telah pun di-rengankan.

Apabila di-London mereka-lah yang bekerja dengan kuat2 bekerja dengan chukup ta'at setia kepada saya dan chukup ta'at setia kepada negeri tanah ayer-nya dan ra'ayat Tanah Melayu ini. Mereka-lah yang sa-chara chakap Kedah "Bergelut" bersungguh2. Saya ini chuma-nya tolong bagi nasehat sahaja kepada mereka bagini jalankan bagitu jalankan tetapi segala pekerjaan dan tanggungan yang besar mereka-lah jalankan.

Maka saya di-sini saya mengambil peluang memberi banyak2 terima-kaseh kepada mereka. Semua mereka ada di-sini dan saya harap mereka akan datang ka-hadapan majlis tuan2 ini dan sa-kurang2-nya bagi sahut seru perjuangan kita merdeka apabila saya tamat.

Tuan2 tentu-lah sudah tahu apa yang telah terkandung di-dalam penyata atau perjanjian yang saya sign itu kerana sekarang ini Pejabat Penerangan telah pun karang satu buku dalam semua bahasa dan buku itu akan di-beri kepada tuan2 supaya dapat tuan2 baca. Jadi ta'payah-lah dengan masa yang pendek ini saya hendak cheritakan atau sebutkan segala2 yang terkandung di-dalam itu. Tetapi di-sini sebagai peringatan pula saya suka hendak cheritakan kepada tuan2 ia-itu pertama-nya mula sekali Raja2 Melayu yang perbuat perjanjian dengan Kerajaan British ia-lah datok nenek saya sendiri yang menolakan Pulau Pinang bagi kepada British dengan jalan sewa dan sampai hari ini pun di-bayarkan sewa lagi. Pada hari ini Allah ta'ala di-izinkan dengan ta'kidir-nya anak chuchu-nya juga akan mengambil balek bukan sahaja Pulau Pinang bahkan sa-panjang2 Tanah Melayu ini. Singapura susah hati sikit saya. Tiap2 kali saya sebut saya kena maki tetapi hari/ta'usah-lah. Saya pulangkan kepada orang2 Singapura apa yang patut apa yang di-kehendakki. Insha-Allah kalau di-izinkan Allah ta'ala kita ambil balek juga Singapura. Tetapi kena-lah dengan ka-hendak orang Singapura sendiri. Saya harap tanah jajahan itu

.... /3 dapat berkumpul dengan kita

tidak dapat berkumpul dengan kita juga. Saya harap sahaja-lah, yang-tu terpulang kepada mereka, tetapi bagi diri saya, saya berasa sangat-lah suka hati dan sangat-lah besar hati dan terima-kaseh sungguh2 yang setakat Malaya ini kita boleh dapat di-dalam perjuangan kita lama ini bagaimana yang telah saya dapat ini. Jikalau tuan2 ingat kita telah sebut di-dalam buku perjuangan kita ia-itu kita kehendak merdeka dalam empat tahun kita kehendak memerintah sendiri dalam dua tahun tetapi dengan kerana bantuan yang di-dapat daripada tuan2 kita dapat perentahan sendiri dalam tempoh enam bulan dan juga dengan do'a tuan2 sakalian dengan semangat yang berkubar2 itu kita akan dapat merdeka dalam tempoh satu tahun tujuh bulan. Maka ini tidak-lah kita hendak berkata apa2 lagi melainkan terima-kaseh banyak2 bagi diri saya yang telah menjadi khadam kepada tuan2 itu selama empat tahun. Saya dapat segala sokongan sampai ta'boleh hendak membalaskan.. Jadi dengan kita bekerja sama2 dengan kerana kita kaseh-masra diantara satu dengan lain dengan kerana kita kaseh kepada tanah ayer kita ini maka itu-lah yang kita dapat maju ini jauh-nya sa-telah langkah tidak ada siapa pun dalam dua tahun dahulu yang boleh shak atau sangka bahawa bangsa kita ini akan tidak lama lagi akan dudok dengan satu taraf sama sa-taraf dengan bangsa2 lain yang berdolat dan merdeka.

Perasaan yang berkubar2 bagini semangat yang berkubar2 bagini bukan sahaja di-sini. Di-mana sahaja ada orang Melayu dia berasa sombong. Bukan sahaja orang Melayu bangsa lain2 di-mana kita singgah di-Ceylon di-sambutkan kita ini Rombongan ini sa-bagai bangsa Rombongan daripada negeri yang merdeka. Sampai ka-India pun begitu juga kita jadi tetamu kepada Kerajaan India, Kerajaan Ceylon dan sampai di-Pakistan pun begitu juga di-ra'ikan kita sabagai bangsa yang berdolat.

Sa-belek-nya tuan2 ingat apabila saya kembali daripada Hiroshima masa saya hadzir di-satu perjumpaan di-Hiroshima dahulu saya balek di-Melaka ini saya sebut bagaimana hina manusia dahulu kepada kita hina sampai tidak di-benarkan saya berchakap bagaimana sama sa-taraf dengan wakil2 negeri yang merdeka.

Itu dahulu itu maka sekarang ini alham-dullilah berubah langsung perasaan di-mana sahaja di-India, di-England, di-Pakistan, di-Masir apabila sampai Masir ^{para} tujuan saya hendak berjumpa dengan penuntut2 kita di-Masir kerana/penuntut kita sa-banyak 114 orang jadi apabila Rombongan Merdeka tiba di-Masir di-dalam perjalanan ka-England itu di-dalam sejok pukul 5 pagi penuntut2 kita duk ketar menunggu saya menunggukan Rombongan kita bersemangat. Jadi saya berjanji insha-Allah saya akan kembali ka-Cairo ka-Masir -- dan akan melihat di-atas kedudukan mereka itu, ^{insha-Allah} apabila saya sampai ka-Masir pukul 3 pagi. Dahulu daripada saya sampai ka-Masir saya bagi telegram minta-lah penuntut2 Melayu jangan-lah mari jumpa dalam pukul 3 pagi jumpa-lah esok kerana sejok. Sampai2 situ bukan-lah sahaja penuntut laki2 bahkan perempuan pun ada di-situ kena bawa anak pukul 3 pagi. Itu-lah semangat sombong rasa-nya. Dan di-taroh malai kepada saya oleh penuntut2 wakil2 penuntut daripada Indonesia yang ada berhubung rapat dengan orang2 Melayu di-situ dan juga di-Masir itu ^{juga} ada dua orang wakil penuntut2 kita di-Mekah yang telah terbang mari daripada Mekah dengan di-kutip wang dengan segera minta bertemu dengan saya di-Masir itu.

Dan di-masa saya di-England dan minta di-reserve satu hotel untuk Rombongan kita ini berhenti di-Masir tiba2 apabila sampai di-sana Kerajaan Masir telah terima saya sabagai tetamu dan di-tarohkan saya di-istana yang besar dan endah. Dan bagini-lah perasaan megah dan sombong di-atas perjuangan kita pada hari ini. Dan apabila saya berjumpa dengan Colonel Nasir, Mentri Besar dan President Masir itu, Egypt itu, di-sebutkan di-terimakan saya sabagai rakan yang sangat rapat walhal-nya saya belum kenalkan dengan dia. Dahulu itu

saya tidak ada taraf hendak boleh kenal dengan-nya tetapi dengan kerana perbuatan tuan2 dan kerana pertolongan tuan2 saya telah di-terimakan oleh bangsa2 lain oleh negeri2 yang lain berdolat merdeka sabagai sa-orang yang sama sa-taraf dengan-nya. Dan Kerajaan Masir menurut Colonel Nasir itu di-beri pula sa-tompok tanah untok di-benakan sa-buah rumah bagi mendudoki penuntut2 tadi itu. Maka insha-Allah sekarang ini saya akan minta Kerajaan Federation beri wang supaya kita boleh benakan sa-buah rumah yang besar dan yang indah untok penuntut2 kita di-sana. Dan bagitu juga saya telah ber-janji dengan penuntut2 yang ada di-Mekah Kerajaan Federation mahu-lah beri tolong juga penuntut2 di-Mekah itu membenakan satu buah rumah di-Mekah untok penuntut2 kita.

Dan lagi satu perkara yang besar yang saya tertarek hati juga ia-itu perasaan penuntut2 kita sekarang di-England itu bukan sahaja terkhas kapada orang Melayu bahkan kapada orang2 China, orang2 India, orang Serani yang jadi penuntut Malaya di-sana semua pun sudah berubah perasaan telah menjadi satu Nationalist telah sombong perasaan-nya di-atas kejayaan kita ini. Apabila di-jemputkan saya di-tempat mereka itu tidak ada tempat yang kita boleh menguit badan kita kerana berisi habis dengan yang datang daripada jauh2 tempat-nya. Dan dalam masa saya di-London ada dua pertubohan penuntut kita di-London itu yang terisi dan yang di-anjorkan oleh orang2 yang boleh di-kata Komunis jiran2 kita yang boleh di-kata Komunis berperasaan Komunis. Dalam masa kita di-England juga penuntut2 itu telah buangkan segala Komunis2 daripada dua2 pertubohan ini dengan segera kerana telah ada-kan perasaan Nationalist yang kuat. Maka ini satu perkara yang 'ajaib fakatan yang saya telah lihat di-London itu antara Melayu, China, India dan lain2 bangsa-nya sangat-lah tertarek hati saya kerana mereka tidak kira apa bangsa chuma-nya Malaya sahaja. Hanya merdeka, merdeka sahaja itu-lah yang kehendak mereka. Maka ini-lah hasil-nya daripada usaha tuan2 daripada semangat tuan2. Dan bagi pehak saya selagi tuan2 kehendak selagi itu-lah saya khadamkan diri. Dan bagitu-lah saya berchakap sabagai rakan2 saya yang menjadi Menteri dengan saya ini. Mereka semua bersama2 dengan saya bukan boleh di-sifatkan sabagai orang2 yang pandai atau orang2 yang bijak chuma-nya kami ini bersemangat macham tuan2 juga bertujuan dan berniat hendak bekerja untok bangsa dan untok tanah ayer. Jadi kami tidak kira susah tidak kira payah. Jikalau pekerjaan kami sakalian kurang tertib atau kurang puas hati pada tuan2 saya minta bagikan-lah peluang sa-dikit supaya kami boleh belajar pekerjaan kami sakalian. Niat dan tujuan ada semua-nya hendak buat jalan bagi betul. Yang-tu sahaja yang saya harap. Insha-Allah, Insha-Allah, Insha-Allah yang-tu sahaja-lah.

Saya ini ta'tahu hendak cherita panjang kerana banayak sangat saya boleh cherita pada tuan2 kerana tuan2 telah datang daripada jauh2. Saya tengok Johore pun ada mana2 semua ada berhimpun. Di-Perlis sampai jauh2 Kelantan, Trengganu habis semua berhimpun di-sini. Di-mana masing2 tidor pun saya ta'tahu. Tetapi kalau tuan2 pun tidak tidor saya pun tidak tidor atas kapal terbang. Jadi sama2-lah. Sama2 yang-tu. Tetapi alham-dulillah ini semangat yang saya suka hendak tengok. Insha-Allah dengan ada semangat sa-macham ini saya ingat kita tentu-lah lebeh chepat daripada kita ingat masa merdeka itu.

Sekarang ini chuma-nya ada satu tulisan untok satu peringatan sahaja dan di-kehendakki saya turunkan tanda tangan di-sini ia-itu berkenaan haribulan merdeka. Saya suka hendak bachakan pada tuan2. Ini-lah dia: "Perishtiharan tarikh kemerdekaan Malaya. Bahawa di-dalam perjalanan sejarah manusia tidak ada suatu bangsa pun yang boleh menyelamatkan diri-nya jikalau bangsa itu berdiam diri memelok tuboh selama2-nya. Sydah semasti-nya bangsa itu harus memilih satu di-antara dua arah, maju atau mondor. Itu terserah kapada kesanggupan dan kesedaran bangsa itu menghadapi perubahan2 dan perkembangan2. Manakala ra'ayat itu di-dalam keadaan berpuas

hati dengan taraf dan kedudukan yang ada maka sentiasa-lah mereka merasa bimbang / sa-barang perkara yang harus membawa perubahan. Mereka akan merasa churiga terhadap sa-barang langkah atau sa-orang yang membawa fikiran2 dan pendapat2 baharu. Tetapi kerana sejarah manusia ada-lah sejarah perubahan2 dan kemajuan untok menchiptakan suatu yang lebeh baik dan sempurna bangsa yang merasa kepuasan tadi akan tinggal sa-makin jauh ka-belakang dan akhir-nya hilang lenyap dan hanya akan di-timbulkan kembali oleh ahli2 sejarah yang akan datang. Kita ada-lah amat beruntung kerana bangsa kita telah di-kurniakan Tuhan yang maha kuasa dengan ketabahan dan keberanian. Kita ada-lah suatu bangsa yang pernah meni'mati kebesaran dan mempunyai pesaka kebangsaan yang gilang-gemilang. Sungguh pun perjalanan sejarah telah menukarkan nasib kita daripada suatu bangsa yang merdeka dan agong kepada bangsa yang hina dan terjajah namun kita maseh tetap dapat mempertahankan anugerah Tuhan yang berupa kebesaran jawa, rasa kemulia-an, ke'adilan dan semangat yang tidak dapat di-patahkan sementara kita terta'alok di-bawah penjajahan lebeh daripada 400 tahun lama-nya. Ketahui-lah bahawa kita ra'ayat Malaya ada-lah bersatu padu di-dalam maksud kita menchapai kemerdekaan sa-chara perlembagaan dan pada hari ini maksud kita itu telah kita chapai. Dari itu dengan nama Allah yang maha murah lagi maha mengasehani bahawa atas nama ra'ayat Malaya mengishtiarkan bahawa kemerdekaan penuh Persekutuan Tanah Melayu dalam Commonwealth menurut perjanjian yang telah di-chapai di-London akan di-laksanakan pada 31 haribulan August tahun 1957. Pohon Allah izinkan."

Ini-lah untok satu tanda perhimpunan kita pada hari ini yang saya akan turun tanda tangan di-atas satu perjanjian ini. Ini-lah sahaja dapat saya chakapkan pada tuan2. Maka akhir-nya saya memberi terima-kaseh banyak2 di-atas tuan2 di-atas kesusahan tuan2 kepayahan tuan2 yang datang ka-sini. Allah ta'ala sahaja-lah balaskan. Dan saya tamatkan ucapan saya dengan 3 kali sorak MERDEKA.

MERDEKA, MERDEKA, MERDEKA.

Kuala Lumpur,
February 20, 1956.

(Issued at 1845 Hrs.)

*